

Bab 3

METODOLOGI KAJIAN

A. Pendahuluan

Bahagian bab ini akan menerangkan secara terperinci prosedur sebenar analisis yang dijalankan di dalam kajian ini dan termasuk pembinaan instrumen kajian.

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan menggunakan maklumat dari laman web yang diterbitkan pada Sudut Kreatif Guru, TM School On-Line sehingga tarikh 11hb. Mac 1998 sebagai sampel kajian. Segala data kajian adalah berdasarkan maklumat yang diambil dari paparan laman web yang diterbitkan sehingga tarikh 11hb. Mac 1998.

Analisis kandungan merupakan sebarang teknik yang bertujuan untuk membuat inferens secara objektif dan sistematik di dalam mengenal pasti ciri-ciri yang spesifik sesuatu maklumat (Holsti, 1969). Kerlinger (1973) mendefinisikan analisis kandungan sebagai kaedah untuk memerhatikan dan mengukur kandungan dalam komunikasi. Harold yang dipetik dari Eshghi (1983) menyatakan, tujuan kaedah analisis kandungan secara kuantitatif berbanding dengan kaedah secara kuantitatif ialah dapat mengurangkan kecenderungan penyelidik dari bias terhadap dokumen yang dianalisis.

B. Pembinaan Kategori

Kategori-kategori di dalam analisis kandungan adalah sama fungsinya sebagai variabel di dalam kaedah penyelidikan yang lain. Kategori merupakan bahagian-bahagian

yang ditentukan secara tersurat dari kandungan sesuatu bahan yang hendak dianalisis. Kategori merupakan faktor yang paling penting di dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu analisis kandungan. Menurut Eshghi (1983) di dalam kajian beliau menyatakan pembentukan kategori dalam rangka kerja kajian memerlukan tiga pertimbangan:

1. Sesuai dengan kehendak soalan kajian supaya dapat membantu menjawab soalan kajian tersebut.
2. Kategori adalah lengkap dan menyeluruh--exhaustive. Semua item yang berkaitan dari sampel boleh dimasukkan ke dalam tiap-tiap kategori yang sesuai.
3. Kategori adalah 'mutually exclusive'. Iaitu tiada datum kandungan yang boleh ditempatkan kepada lebih dari satu kategori.

Kategori Utama kajian ini ialah ciri-ciri fizikal halaman web dan kandungan bahan halaman web. Di bawah kategori utama terdiri dari sub kategori dan sub kepada sub kategori yang memperjelas secara sistematik kategori utama.

Senarai penuh kategori-kategori utama, sub-kategori, dan sub kepada sub-kategori yang telah dibentuk dinamakan sebagai analisis kod (Zaharah Hussin, 1995). Zaharah Hussin (1995) telah menggunakan analisis kod sebagai alatan untuk mengenal pasti Kemahiran Berfikir Kritis yang terdapat di dalam buku teks Pendidikan Islam KBSM. Di dalam kajian ini pengkaji juga menggunakan analisis kod sebagai alatan untuk mengenal pasti kandungan bahan pemelajaran dan ciri-ciri halaman web yang terdapat di dalam halaman web yang diterbitkan oleh guru pada hompej mereka.

Data Anekdote merupakan data-data sampingan yang dikumpulkan sepanjang penelitian dari tiap-tiap halaman web. Ia merupakan huraian secara deskriptif, berbentuk ulasan dan komen pengkaji terhadap aspek-aspek yang tidak tersenarai di dalam senarai semak analisis kod semasa menilai kandungan halaman web.

C. Sampel Kajian

Terdapat 198 laman web pada ruangan SUDUT KREATIF GURU, TM School On-Line di alamat URL (<http://www.tm.net.my/edu/tmsol/mtcc.htm>) sehingga 11hb. Mac 1998 tetapi hanya 44 laman web sahaja yang dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan kriteria pemilihan berikut:

- (i) Hompej yang dibina oleh guru atau individu pendidik di peringkat Kolej atau Maktab Perguruan.
- (ii) Bahasa penghantaran halaman web dalam bahasa Malaysia atau Inggeris sahaja.
- (iii) Hompej yang lengkap dan bukan dari kalangan yang masih dalam bentuk percubaan--'under construction'.
- (iv) Hompej yang mempunyai unsur pendidikan atau 'general interest'.

Penyelidik mengenal pasti hompej yang memenuhi syarat-syarat di atas dan mengumpulkan dalam satu senarai sampel.

D. Prosedur Pembinaan Kategori

Pembinaan kategori bagi analisis kandungan di dalam kajian ini dilakukan dalam dua bahagian iaitu pertama; kategori untuk menilai ciri-ciri fizikal halaman web yang berupa format persembahan sesuatu halaman yang diterbitkan oleh guru dalam WWW dan kedua; kategori untuk menilai kandungan bahan pembelajaran pengajaran yang terdapat di dalam halaman web guru. Pembinaan kategori bagi ciri-ciri halaman web adalah berdasarkan kepada maklumat dari instrumen soal selidik Oregon Public Education Network (1998), panduan membina laman web oleh Lemay (1996), dan manual panduan oleh Center for Advanced Instructional Media (C/AIM) (1997) manakala pembinaan kategori bagi menilai maklumat kandungan pada halaman web berdasarkan instrumen soal selidik dari Trochim (1996) dan panduan kriteria oleh Scholz (1996) dengan dilakukan beberapa pengubahsuaian yang bersesuaian dengan konteks tujuan kajian.

Pada Jadual 1 dan 2 menunjukkan kategori utama, sub kategori, dan sub kepada sub-kategori bagi menilai ciri laman web dan analisis kandungan halaman web. Komponen-komponen dari jadual 1 dan 2 dijadikan panduan kepada penyelidik di dalam membentuk borang senarai semak (*Lihat Lampiran A*) yang merupakan instrumen bagi menilai ciri halaman web dan analisis bahan kandungan pada laman web.

A5113G9594

Jadual 1. Kategori utama, sub kategori dan sub kepada sub-kategori bagi ciri-ciri fizikal/format halaman web.

Kategori Utama	Sub Kategori	Sub kepada sub-kategori
Ciri-Ciri Fizikal/Format Halaman Web	A. Struktur Halaman web.	<ul style="list-style-type: none"> i. Organisasi Hierarki ii. Struktur linear. iii. Struktur Alternatif linear. iv. Struktur kombinasi linear dan hierarki. v. Struktur labah-labah--Web. vi. Struktur yang tidak konsisten.
	B. Tujuan hompej	<ul style="list-style-type: none"> i. Penyebaran maklumat. ii. Pendidikan dan latihan. iii. Perdagangan dan pengiklanan. iv. Hiburan. v. Komunikasi. vi. Personel 'interest'.
	C. Bahasa penghantar.	<ul style="list-style-type: none"> i. Bahasa Malaysia sepenuhnya. ii. Campuran bahasa Malaysia dan Inggeris. iii. Bahasa Inggeris sepenuhnya.
	D. Bahasa pengaturcaraan.	<ul style="list-style-type: none"> i. HTML sahaja. ii. HTML dan Java.
	E. Mesra pengguna	<ul style="list-style-type: none"> i. Pelabelan kandungan yang teratur pada hompej. ii. Panduan pelayaran (punat <i>Next</i>, <i>Previous</i>, <i>Start</i>, <i>Home</i>). iii. Punat jalan pintas sebagai laluan alternatif. iv. Link yang membantu kembali kepada hompej dan / atau jadual kandungan. v. Jika dokumen yang panjang, disediakan jadual kandungan sebagai hypertext link ke bahagian tertentu dalam dokumen. vi. Kandungan yang berguna tidak melebihi lebih dari tiga 'klik' dari hompej.

Sambungan Jadual 1

Ciri-Ciri Fizikal/Format Halaman Web		<ul style="list-style-type: none"> vii. Link yang dideskripsikan dengan tepat dan berfungsi secara berkesan. viii. Tajuk yang bermakna pada halaman dan konsisten dengan perkataan dihypertextkan. ix. Laman menyediakan kepada pengguna bantuan (pertolongan On-line, FAQs).
	F. Format yang berhemah	<ul style="list-style-type: none"> i. Pencapaian yang pantas; laman web boleh dicapai oleh browser. ii. Penurunan halaman yang cepat. iii. Pemaparan halaman yang betul. iv. Teks mudah dibaca. v. Latar belakang yang tidak mengganggu teks. vi. Grafik dan bahan multi media mempunyai tujuan , menambahkan nilai pengajaran. vii. Selain dari imej grafik dan imej link teks alternatif digunakan sebagai perkataan link; supaya halaman lebih bermakna jika imej tidak dapat di turun beban oleh browser. viii. Laman menyediakan imej 'thumbnail' untuk imej yang besar dan memberi tahu pengguna berapa besar saiz imej. ix. Fail yang boleh di turun beban adalah mudah dan jika saiz fail adalah besar perlu dinyatakan saiznya.

Jadual 2 Kategori utama, sub kategori dan sub kepada sub-kategori bagi ciri-ciri kandungan bahan pembelajaran pengajaran pada halaman web.

Kategori Utama	Sub Kategori	Sub kepada sub-kategori
Ciri-Ciri Bahan Pemelajaran Pengajaran.	A. Kandungan bahan yang terdapat di dalam halaman web.	<ul style="list-style-type: none"> i. Tajuk halaman. ii. Mengandungi satu bidang akademik. iii. Mengandungi lebih dari satu bidang akademik. iv. Tidak berkaitan dengan akademik. v. Hasil kerja oleh seorang, atau gabungan dari beberapa orang. vi. Mewakili individu, persatuan, dan organisasi.
	B. Keber tanggungjawaban terhadap idea dan kandungan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Nama penulis dinyatakan. ii. Idea dari karya sendiri. iii. Mengumpulkan idea orang lain dalam bentuk link. iv. Link yang sah. v. Menyertakan alamat e-mel untuk dihubungi. vi. Meletakkan tanda hak cipta terpelihara. vii. Menyatakan rujukan dari sumber yang diambil.
	C. Bentuk penyampaian bahan pemelajaran pengajaran.	<ul style="list-style-type: none"> i. Panduan-panduan. ii. Nota-nota pengajaran iii. Rencana/ kertas kerja. iv. Latihan-latihan. v. Penyelesaian masalah. vi. Simulasi.
	D. Tahap kesesuaian bahan di kalangan pelajar.	<ul style="list-style-type: none"> i. Sekolah rendah. ii. Menengah rendah. iii. Menengah. iv. Tinggi v. Umum

E. Prosedur Mendapatkan Data Ciri-Ciri Halaman Web

Data kajian dikumpul oleh penyelidik dengan menggunakan instrumen yang berupa senarai semak. Untuk menentukan ukuran saiz sesuatu kandungan pada laman web dalam Kbyte, perisian Web Buddy versi 1.00 (Copyright © 1996, DataViz, Inc.) digunakan. Selain dari memberikan ukuran dalam Kbyte, Web Buddy juga boleh menurun beban (download) keseluruhan laman web dari satu-satu hompej ke dalam cakera keras atau cakera liut dan penyelidik boleh melayari halaman web tersebut secara luar talian.

Dengan menggunakan 'Netscape Browser' yang menggunakan arahan 'View' dan 'Document Info' bilangan grafik, Java Applet, dan bahan multi media boleh ditentukan bilangannya dari sesuatu halaman web.

F. Analisis Data

Data yang dikumpulkan melalui instrumen senarai semak dianalisis menggunakan perisian SPSS 7.5 bagi menjalankan analisis statistik deskriptif, korelasi, dan ANOVA satu hala. Berdasarkan data yang diperoleh dari borang senarai semak, frekuensi dan peratusan digunakan bagi menilai dapatan ciri-ciri laman web. Misalnya frekuensi kekerapan dan peratusan bagi tujuan laman web, bahasa penghantar dan pengaturcaraan, format, dan ciri mesra pengguna pada laman web yang diterbitkan kalangan penulis laman web.

Analisis statistik korelasi pearson digunakan untuk mendapatkan pertalian antara bilangan grafik sebagai rujukan dengan saiz laman dalam Kbyte.

Analisis berupa frekuensi dan peratus digunakan bagi melihat kandungan bahan-bahan pemelajaran pengajaran yang terdapat di dalam halaman web. Analisis χ^2 (Chi-Square) digunakan bagi melihat kesignifikan hubungan antara variabel-variabel ordinal dan nominal. Misalnya untuk melihat hubungan antara bentuk penyampaian bahan pemelajaran pengajaran dengan kandungan bahan pemelajaran pengajaran yang terdapat dalam halaman.

Analisis ANOVA satu hala digunakan bagi melihat kesignifikan perbezaan antara bentuk-bentuk penyampaian, dan bidang akademik dengan min saiz kandungan bahan pemelajaran pengajaran dalam Kbyte.

Aras kesignifikan pada keseluruhan analisis kajian ditetapkan pada 0.05.